

09 AUG 2001

Najib-Abu Sayyaf

MALAYSIA BUKAN TEMPAT PERLINDUNGAN KUMPULAN ABU SAYYAF

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Kerajaan tidak akan mengizinkan gerila Abu Sayyaf dari selatan Filipina menjadikan Malaysia dan perairannya tempat pelarian atau tempat perlindungan kumpulan itu.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, kerajaan akan mengerahkan tentera Malaysia jika ada pergerakan kumpulan Abu Sayyaf masuk ke negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad and Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo bersetuju supaya kerjasama ketenteraan ditingkatkan terutamanya daripada segi penyelarasan pengawalan kawasan sempadan, katanya.

Kedua-dua negara juga akan bertukar-tukar maklumat terkini mengenai rancangan pergerakan kumpulan Abu Sayyaf untuk masuk ke negara ini, katanya semasa sidang media selepas merasmikan upacara pecah tanah projek perumahan di Lembah Klang bagi anggota tentera di Pangkalan TUDM Subang dekat sini, hari ini.

Mengenai gerakan militan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Najib berkata buat masa ini penglibatan tentera secara langsung tidak perlu kerana polis mampu menanganinya dengan pelbagai kuasa undang-undang.

Bagaimanapun, katanya, polis dan tentera akan bekerjasama dalam memantau perkembangan KMM dan tentera sedia membantu jika polis memerlukan khidmat mereka.

Mengenai meritokrasi dalam kemasukan ke institusi pengajian tinggi, katanya, kerajaan akan melaksanakannya secara berperingkat-peringkat dan meminta masyarakat Melayu supaya jangan terlalu mengharapkan pertolongan kerajaan kerana ia boleh melemahkan daya saing mereka.

"Kita hendak orang Melayu bersikap positif dalam menghadapi cabaran globalisasi. Aspek yang kurang diberi perhatian oleh orang Melayu ialah daripada segi sikap, kerajinan dan institutsi kekeluargaan," katanya.

Berhubung masalah perumahan bagi kalangan anggota tentera di Lembah Klang, Najib menjelaskan bahawa sebanyak 6,963 unit bernilai RM1.5 bilion akan dibina di tujuh lokasi di sekitar Lembah Klang.

Beliau berkata projek perumahan itu dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2004.

Najib berkata lokasi perumahan bagi anggota-anggota tentera terletak di Kem Kementah, Jalan Padang Tembak, Kem Pasifik, Jalan Ampang, Kem Sungai Besi, Kem Wardieburn, Setapak, Kem TUDM Subang dan Jalan U-Thant.

Bagaimanapun, katanya rancangan perumahan di satu lagi lokasi iaitu Jalan Cochrane dibatalkan berikutan ketidaksesuaian lokasi itu dan tempat baru akan dikenal pasti tidak lama lagi.

"Kita tidak dapat mendirikan bangunan tinggi di lokasi Jalan Cochrane kerana ada "persimpangan bertingkat" di situ. Maka kita akan cari tapak baru tidak lama lagi," katanya.

Daripada sejumlah 6,963 unit rumah, 23 peratus daripadanya atau 1,612 unit adalah di bawah program penggantian manakala selebihnya adalah untuk rumah baru.

"Banyak unit rumah yang sedia ada tidak dapat digunakan lagi dan kos memperbaikinya tidak memberi pulangan. Maka 1,612 unit baru nanti akan diberi kepada mereka yang menduduki rumah yang sedia ada," katanya.

Selain kemudahan asas dan tempat beriadah, Najib berkata kediaman itu juga akan dilengkapi dengan pusat siber bagi membolehkan anak-anak anggota meningkatkan kemahiran celik komputer.

Projek perumahan anggota tentera di Lembah Klang diusahakan bersama oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera Sdn Bhd.

-- BERNAMA

DC KHY PR